

UMS-Hemostasis makmal pertama dapat Sijil Akreditasi

NST 6.8.16 C

KOTA KINABALU: Makmal UMS-Hemostasis muncul sebagai makmal pertama daripada 100 makmal berprestij di Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperolehi Sijil Akreditasi sekaligus melonjakkan harapan universiti itu menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini termasuk Filipina, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, berkata ini satu perkembangan amat membanggakan dalam sejarah penubuhan UMS.

Beliau berkata proses mendapatkan akreditasi itu adalah usaha dalaman staf makmal tersebut tanpa penglibatan ahli profesional dari

luar dan ini satu usaha yang membanggakan UMS terutamanya Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

“Pencapaian membanggakan ini seharusnya dicontohi makmal-makmal lain di UMS terutama sekali dalam era ini, di mana kita perlu berhemah dalam perbelanjaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penganugerahan Sijil Akreditasi MS ISO 15189, di universiti itu, di sini, kelmarin.

Mohd Harun berkata, sijil akreditasi makmal itu diiktiraf sebagai satu sistem pengukur kualiti berkesan dalam sesuatu perkhidmatan

makmal sama ada dalam persekitaran hospital atau yang berkaitan termasuk industri kimia dan loji pemprosesan makanan.

Katanya, kebanyakan negara di Asia Tenggara masih kekurangan akreditasi makmal sama ada bidang perubatan atau penjagaan kesihatan.

Beliau berkata, antara faedah makmal yang memperolehi akreditasi ialah pengiktirafan antarabangsa, meningkatkan keyakinan pelanggan, mengurangkan kos operasi, meningkatkan pendapatan dan menjadi simbol kecekapan.

“Makmal UMS-Hemostasis ditubuhkan pada 10 Ogos 2010 dan hanya menerima sampel darah untuk diagnosis masalah pendarahan. Ia

mempunyai dua staf iaitu seorang pensyarah dan seorang ahli teknologi makmal perubatan.

“Pada 2013, mereka memulakan inisiatif untuk memperolehi status akreditasi MS ISO 15189 dalam ujian makmal klinikal dengan Jabatan Standard Malaysia.

“Selepas dua setengah tahun bekerja keras, akhirnya makmal itu memperolehi akreditasi pada 23 Disember 2015,” katanya.

Turut hadir Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof-Dr. Zainal Arifin Mustapha dan Pengarah Akreditasi Jabatan Standard Malaysia, Shahrul Sadri Alwi. - **OLEH MARRYAN RAZAN (marryan-@newsabahtimes.com.my)**



Mohd Harun (dua dari kanan) menerima sijil penganugerahan akreditasi MS ISO 15189 Makmal UMS-Haemostasis daripada Shahrul.



Mohd Harun menyampaikan cenderahati kepada Shahrul.